



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

3 JULAI 2025 (KHAMIS)

Padah Pindah 80 Kambing Tanpa Kebenaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	22	3 Julai

Padah pindah 80 kambing tanpa kebenaran

KUALA KANGSAR - Seorang pemandu lori didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret Kuala Kangsar pada Rabu selepas mengaku bersalah memindahkan 80 kambing tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak pada Januari lalu.

Tertuduh, R Surenthiran, 28, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Mohd Shazmeer Zamhari.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara selama enam bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Surenthiran didakwa memindahkan 80 kambing hidup dari Taiping ke Klang, Selangor dengan menggunakan kenderaan lori tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah JPV.

Kesalahan itu dilakukan di tepi Lebuhraya Utara Selatan arah selatan berhampiran susur keluar Tol Kuala Kangsar jam 8.24 malam, 22 Januari lalu.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dilucutkan hak hasil jualan kambing berkenaan berjumlah RM31,178.40 manakala lori dikembalikan selepas denda dibayar.

Pemuda didenda RM10,000 Pindah 80 Ekor Kambing Tanpa Kebenaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Online	2 Julai



Surenthiran (kiri) mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Kuala Kangsar hari ini.

KUALA KANGSAR – Seorang pemandu lori mengaku salah memindah 80 ekor kambing hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak Mahkamah Majistret di sini hari ini.

R. Surenthiran, 28, membuat pengakuan bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Mohd. Shazmeer Zamhari.

Majistret menetapkan pemuda tersebut didenda RM10,000 dan

memerintahkan lelaki itu dilucutkan hak hasil jualan 80 ekor kambing berkenaan berjumlah RM31,178.40 manakala lori akan dikembalikan selepas denda dibayar.

Mengikut pertuduhan, Surenthiran didakwa memindahkan 80 ekor kambing hidup dari Taiping ke Klang, Selangor dengan menggunakan kenderaan lori tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah JPV.

Berdasarkan fakta kes,

kesalahan itu dikesan dilakukan di tepi Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran susur keluar Tol Kuala Kangsar pada pukul 8.24 malam bertarikh 22 Januari lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di bawah Perintah 4(1)(a) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1)(c)(i) Akta Binatang 1953 yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Sebelum itu Surenthiran yang tidak diwakili peguam memohon mahkamah menjatuhkan hukuman denda minimum kerana ia merupakan kesalahan pertamanya dan sedang menyara ibu serta adik.–

[KOSMO! ONLINE](#)

Lelaki Dibebaskan dengan Bon Berkelakuan Baik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Daily Express	News	Online	2 Julai



Kesalahan di bawah Seksyen 22(1) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(2) Enakmen sama itu memperuntukkan denda sehingga RM75,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kota Kinabalu: Seorang lelaki berumur 24 tahun dibebaskan dengan bon berkelakuan baik selama dua tahun kerana tidak memberikan penjagaan dan pengawasan yang munasabah terhadap kebajikan anjing peliharaannya, baka Siberian Husky.

Anjing itu dipukul dengan kejam oleh seorang lelaki berusia 70an yang turut didakwa dan dijatuhi hukuman sewajarnya, selepas anjing itu membunuh dua

ekor ayam belanda dan bertindak dalam keadaan mempertahankan diri.

Hakim Mahkamah Sesyen Hurman Hussain menjatuhkan hukuman itu terhadap Brandon Tim Tony yang mengaku bersalah atas pertuduhan ke atasnya. Brandon dibebaskan dengan bon bernilai RM2,000 bersama seorang penjamin tempatan dan tanpa rekod sabitan jenayah.

Selain itu, dia juga diperintah menghadiri sesi latihan

kesedaran kebajikan haiwan yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah.

Brandon gagal memberikan penjagaan dan pengawasan yang munasabah terhadap kebajikan serta perlindungan anjingnya daripada kekejaman, pada jam 1.30 petang, 31 Disember 2024, di sebuah rumah di Taman Donggongan, Penampang.

Kesalahan di bawah Seksyen 22(1) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(2) Enakmen sama itu memperuntukkan denda sehingga RM75,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, pada 14 April tahun ini, Brandon mengaku bersalah atas pertuduhan sama, namun pengakuannya ditolak selepas dia mempertikaikan fakta kes yang dibacakan kepadanya.

Pegawai Pendakwa dari DVS Francis Palikat memaklumkan mahkamah bahawa Brandon, melalui peguamnya, telah menghantar surat representasi kepada Pejabat Peguam Besar Negeri Sabah bagi memohon agar anak guamnya dibebaskan dengan bon berkelakuan baik.

Pihak pendakwaan turut mengesahkan bahawa representasi itu telah diterima.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian kira-kira jam 11.30 pagi, Brandon mendapati anjing peliharaannya, seekor Siberian Husky jantan berusia empat tahun bernama Coby, hilang dari kawasan berpagar di rumahnya.

Pada kira-kira jam 1.30 petang, Brandon menemui anjingnya dalam keadaan lemah dan berlumuran darah di kepala dan mulut, di kawasan berpagar di belakang sebuah rumah yang terletak kira-kira 50 hingga 60 meter dari rumahnya.

Ibu Brandon kemudiannya membuat laporan polis berhubung kejadian itu pada jam 4.41 petang hari sama, manakala pemilik rumah berkenaan, Yong Chen Fah, telah membuat laporan lebih awal pada kira-kira jam 2.41 petang.

Pemeriksaan tapak mendapati rumah Brandon mempunyai pagar yang cukup tinggi dan kukuh untuk menghalang anjingnya daripada melarikan diri. Tiada celah yang membolehkan anjing itu keluar dan pagar terbabit mempunyai mekanisme kunci yang sukar dibuka dari luar.

Bagaimanapun, pemilik tidak meletakkan papan tanda amaran “Awat Anjing” dan tidak menyediakan tali atau kolar yang sesuai untuk mengawal anjing ketika tiada di rumah. Rumah itu juga tidak dilengkapi dengan sistem kamera litar tertutup (CCTV).

Sementara itu, pemeriksaan ke atas kediaman Yong mendapati pagar di sekeliling kandang ayam belanda di belakang rumahnya tidak cukup tinggi atau kukuh, dengan celah besar yang membolehkan anjing itu masuk. Rumah terbabit juga tidak mempunyai sistem keselamatan seperti CCTV.

Semasa siasatan, Yong mengaku mencederakan anjing itu dengan membaling batu dan memukul kepalanya antara empat hingga lima kali menggunakan kayu selepas haiwan terbabit memasuki kawasan ternakan dan menyerang ayam belandanya.

Menurut pemeriksaan dan rawatan oleh doktor haiwan yang merawat anjing itu, haiwan berkenaan mengalami neuritis saraf optik pada mata kanan akibat kecederaan trauma.

Selain itu, anjing terbabit turut mengalami kecederaan

di dahi, gigi geraham kiri patah serta ulser yang teruk pada mata kanan.

Anjing itu telah menjalani prosedur “pembaikan kornea” dan “flap kelopak mata ketiga” kerana mata kanannya telah pecah.

Kegagalan Brandon menjaga dan mengawasi anjing peliharaannya dengan baik menyebabkan haiwan itu mengalami kecederaan akibat kecuai.

Brandon diwakili peguam Batholomew Jingulam.

Terdahulu, media melaporkan bahawa Yong, seorang warga emas, didenda RM4,000 selepas mengaku bersalah mencederakan anjing baka Siberian Husky yang memasuki kawasanya dan membunuh ayam belanda peliharaannya.

Dia telah membayar denda itu.-[DAILYEXPRESS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR